

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [ KOTA  
SAMARAHAN ]

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO : 10

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah terkini daripada pihak Kementerian dalam menggalakkan pertanian secara moden seperti pertanian *fertigation* di kalangan petani di negara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa memberi galakan kepada kumpulan sasar untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi dan inovasi. Usaha ke arah galakan ini akan dipertingkatkan melalui antara lain penyebaran penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi dan pembangunan model pertanian moden seperti yang telah digariskan dalam Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Prioriti dan Strategi bagi tempoh 2019-2020.

2. Keprihatinan Kerajaan terhadap inisiatif pertanian moden ini juga dapat dilihat semasa pembentangan Bajet 2020 apabila sebanyak RM43 juta telah diperuntukkan ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi, seterusnya dapat memacu ekonomi negara melalui sektor agromakanan. Penggunaan teknologi pertanian moden ini juga dijangka dapat menarik lebih ramai anak muda untuk menceburi bidang pertanian pada masa hadapan.

3. Selain itu, Kementerian juga telah mengambil pelbagai langkah dari masa ke semasa untuk menggalakkan pertanian secara moden seperti berikut:

- a) memperkenalkan inovasi terkini seperti **teknologi benih bermutu tinggi, teknologi cantuman dewasa tanaman buah-buahan, penggunaan dron bagi tujuan pembajaan dan penyemburan racun** serta **kaedah penanaman hidroponik bertingkat (*vertical farming*)** bagi meningkatkan kepadatan tanaman pada ruang yang terhad;
- b) melaksanakan kajian dan prototaip kejuruteraan seperti **pembangunan pakej teknologi pertanian tepat, agro robotik, aplikasi berasaskan *Internet of Things (IoT)*, model kilang tanaman, pencahayaan menggunakan LED, sistem**

pengairan secara automasi, pengenalan perosak dan penyakit tanaman melalui kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) serta pembangunan analitis data raya pertanian (*big analytical data*);

- c) membangun aplikasi mudah alih yang boleh diakses menggunakan telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain;
- d) memberi pelbagai bantuan berbentuk insentif amalan pakej teknologi kepada para petani seperti pembangunan infrastruktur ladang, pemberian input pertanian dan peralatan kecil pertanian mengikut keperluan;
- e) menganjurkan program-program penemusiaan antara petani dan pihak industri dan syarikat-syarikat teknologi bagi mempercepatkan pemindahan teknologi moden;
- f) menyediakan kursus dan latihan khas dalam bidang *Internet of Things* atau IoT seperti Program Latihan *Flagship Agropreneur Muda MARDI (AGORA)*. Program ini dilaksanakan secara bersiri di seluruh negara sejak tahun 2016; serta
- g) menggalakkan aktiviti pengembangan dan latihan berkaitan teknologi pertanian moden dan inovasi terkini kepada petani selain memperkasa petani melalui persatuan dan koperasi bagi membolehkan akses kepada penggunaan teknologi pertanian moden secara kelompok.

4. Sejar dengan Revolusi Industri 4.0, Kementerian ini akan memberikan perhatian khusus dan penekanan terhadap teknologi pertanian moden dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) yang sedang dirangka dan dirancang.

Sekian, terima kasih.